

RHB Islamic Bank Berhad melebarkan Pelaksanaan Teknologi Hijau di Program Transformasi Rumah Ibadat Hijau di Pahang dan Melaka

31 Julai 2023, Jengka: Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC) dengan hasil kerjasama RHB Islamic Bank Berhad (RHB Islamic) menyumbangkan pelaksanaan teknologi hijau melalui penyerahan sumbangan sistem solar di bumbung masjid pilihan iaitu Masjid Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, Bandar Jengka, Pahang dan Masjid Al-Barakah Kesang Luar, Jasin, Melaka dalam usaha menyokong pelaksanaan program Rumah Ibadat Hijau (RIH) di masjid.

Program RIH adalah bertujuan untuk menjadikan rumah ibadat ataupun masjid sebagai pusat pemangkin kelestarian alam bagi memupuk budaya gaya hidup hijau dalam kalangan ahli kariah masjid dan komuniti setempat khususnya.

Sejak dilancarkan pada tahun 2021, sebanyak 13 masjid telah melaksanakan program RIH dan akan dikembangkan lagi kepada 16 masjid pada tahun 2023. Ini menunjukkan kesedaran dan komitmen yang tinggi daripada komuniti masjid dalam menjaga alam sekitar dan mengamalkan gaya hidup hijau.

Ketua Pegawai Eksekutif MGTC, Ts. Shamsul Bahar Mohd Nor berkata, “Program ini memberi tumpuan kepada empat elemen utama iaitu penjimatkan elektrik, penjimatkan air, pengurangan penghasilan sisa dan pengurusan sisa dengan teratur serta menggalakkan rumah ibadat untuk membeli dan menggunakan produk hijau.”

Tambah beliau, “Peranan sektor swasta dalam memacu agenda kelestarian negara adalah sangat penting. Sebelum ini pihak RHB Islamic Bank Berhad telah menyumbang sistem solar di Masjid Al-Hasanah Bandar Baru Bangi, Selangor dan ia telah berjaya menjimatkan kos penggunaan tenaga elektrik sebanyak RM21,800 bagi tempoh 18 bulan sejak pelaksanaan. Kali ini, usaha mulia itu diteruskan dengan sumbangan dana melalui program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) kepada 2 lagi masjid pilihan yang berjumlah sebanyak RM150,000.”

Pelaksanaan teknologi hijau ini akan memberi impak kepada penggunaan tenaga elektrik sebanyak 30 hingga 50 peratus dan mengurangkan pembebasan karbon bagi masjid pilihan ini dan menyokong program Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ke arah bandar rendah karbon di Malaysia.

Pengarah Urusan RHB Islamic Bank, Dato' Adissadikin Ali berkata, “Selain meringankan beban kos elektrik Masjid Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Masjid Al-Barakah Kesang Luar, tenaga solar yang dijana oleh teknologi hijau ini juga akan

memberi kesan jangka panjang yang positif dalam membantu mengurangkan kesan perubahan iklim global dan jejak karbon secara keseluruhannya.

Selain itu, bagi meransangkan serta menggalakkan kesedaran awam, “Dana Wakaf Solar” akan ditubuhkan oleh RHB Islamic untuk membantu komuniti melakukan sumbangan melalui platform RHB Online Banking dan juga platform derma SyuQR atau ‘*Digital Donation*’. Melalui platform digital ini, sumbangan boleh dibuat dengan mudah dan selamat di mana penyumbang hanya perlu mengimbas Kod QR yang dipaparkan di masjid-masjid.”

“Ini adalah selaras dengan matlamat serta Strategi & Pelan Hala Tuju Kelestarian Kumpulan Perbankan RHB untuk membina laluan ke arah masa depan berdaya tahan iklim, di mana kami memanfaatkan kerjasama strategik bersama organisasi lain dan menyokong komuniti setempat secara berterusan ke arah amalan lestari dan rendah karbon dinegara kita.”

Mengenai MGTC

Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC) adalah agensi Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) yang diberi mandat bagi memacu negara di dalam skop Mempercepatkan Pertumbuhan Hijau, Memajukan Mitigasi Perubahan Iklim dan Menyokong Budaya Gaya Hidup Hijau. Peranan utama MGTC sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi hijau adalah berpandukan Dasar Teknologi Hijau Negara (NGTP), Dasar Perubahan Iklim Negara (NCCP) dan Pelan Induk Teknologi Hijau (GTMP). MGTC melaksanakan inisiatif dan program yang memberikan perincian khusus dalam mencapai impak jangka panjang kepada Nationally Determined Contribution (NDC) Mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah hijau (GHG) KDNK sebanyak 45% (tanpa syarat) menjelang 2030 berbanding intensiti pelepasan KDNK pada tahun 2005, meningkatkan kadar KDNK daripada teknologi hijau sebanyak RM100 Billion dan penjanaan sebanyak 230,000 peluang pekerjaan hijau.

Mengenai Kumpulan Perbankan RHB

Kumpulan Perbankan RHB (“RHB”), dengan RHB Bank Berhad sebagai syarikat induk, adalah salah satu kumpulan perkhidmatan kewangan bersepadu terbesar di Malaysia. Perniagaan teras RHB disusun menjadi lima tonggak perniagaan utama, iaitu Perbankan Komuniti Kumpulan, Perbankan Borong Kumpulan, Perniagaan Syariah Kumpulan, Perniagaan Antarabangsa Kumpulan dan Insurans Kumpulan.

Perbankan Komuniti Kumpulan merangkumi Perbankan Runcit dan Perbankan PKS, manakala Perbankan Borong Kumpulan merangkumi Perbankan Pelaburan Kumpulan, Perbankan Korporat Kumpulan, Perbendaharaan Kumpulan & Pasaran Global, Pengurusan Aset Kumpulan, Perbankan Komersial, Perbankan Transaksi dan Ekonomi.

Kesemua lima tonggak perniagaan ditawarkan melalui RHB Bank Berhad dan anak syarikat utama - RHB Investment Bank Berhad, RHB Islamic Bank Berhad dan RHB Insurance Berhad, sementara pengurusan aset dan perniagaan unit amanahnya dilakukan oleh RHB Asset Management Sdn. Bhd. dan RHB Islamic International Asset Management Berhad.

Kehadiran serantau RHB kini merangkumi lapan negara termasuk Malaysia, Singapura, Indonesia, Thailand, Brunei, Kemboja, Vietnam dan PDR Laos.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.rhbgroup.com